

UMT hasilkan tukun bioseramik

St 24/03/07
Pg N3

KUALA TERENGGANU - Jabatan Sains Perikanan Dan Akuakultur, Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berjaya menyiapkan lebih 1,000 tukun untuk dipasang di perairan seluruh negeri ini bagi meningkatkan pertumbuhan terumbu karang.

Menurut Ketua Jabatannya, Prof Madya Dr Sakri Ibrahim, tukun yang dikenali sebagai bioseramik itu menggunakan tanah liat sebagai bahan asal manakala komponen sampingannya ialah kulit cangkerang.

"Hasil daripada kajian yang dilakukan, kita dapati penggunaan bioseramik tidak berasid kerana pHnya neutral dan sentiasa stabil yang menggalakkan pertumbuhan terumbu karang serta menjadi tempat utama pembiakan ikan," katanya.

Beliau berkata, pembuatan bioseramik tersebut adalah teknologi dari Korea dan Terengganu adalah negeri pertama yang ba-

kal menggunakan teknologi tersebut apabila pemasangan peringkat pertama diadakan tidak lama lagi.

Katanya, bioteknologi mempunyai ciri istimewa kerana boleh dibina dalam pelbagai bentuk dengan menggunakan besi sebagai rangka pada bahagian dalam bahan tersebut.

"Walaupun kos untuk menyediakan tukun itu agak mahal dan berbeza dengan tukun konvensional yang menggunakan kayu, konkrit dan tayar kenderaan, namun ia lebih tahan lama selain mempunyai kelebihan anti toksik," katanya.

Antara pulau yang telah dikenal pasti untuk pemasangan tukun terbabit ialah Pulau Kapas, Pulau Redang, Pulau Perhentian dan Pulau Tenggol.

"Kita mempunyai beberapa kakitangan untuk membina tukun tersebut dan ia akan ditambah bergantung pada permintaan dan keluasan pulau tersebut," katanya.